



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS KHATAM AL-QURAN  
BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA  
SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1445H/2024M**

**Hari Isnin, 14 Ramadhan 1445H / 25 Mac 2024M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya sempena bulan Ramadhan Tahun 1445H/2024M bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir Yang Mulia Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian beserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan tahtim khatam Al-Quran serta solat fardhu asar berjemaah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Amin bin Haji Salim, Pegawai Pemantau Zon 3, Masjid Daerah Brunei dan Muara.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada setiap tahun di bulan Ramadhan dalam mengeratkan silaturrahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di bawahnya dan sambil meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredhaan serta keberkatan daripada Allah S.W.T.

Majlis Khatam pada tahun ini telah diselenggarakan oleh Tabung Amanah Pekerja.

#####

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 14 Ramadhan 1445H  
25 Mac 2024M  
Rujukan: KKW/ADM/15 Pt.2